

**BN Kedah Rangka Manifesto Berdasarkan Keperluan Rakyat - Ahmad Bashah  
Bernama  
18 Julai, 2012**

ALOR SETAR, 18 Julai (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kedah sedang merangka manifesto untuk pilihan raya umum akan datang yang berdasarkan keperluan rakyat, kata Pengerusinya Datuk Ahmad Bashah Md Hanipah.

Beliau berkata satu jawatankuasa di peringkat negeri telah diwujudkan terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan persekutuan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membincangkan mengenai manifesto itu.

"Manifesto ini bukan boleh tulis seronok-seronok saja. Sebab itu kita duduk dan fikir apa yang patut kita masukkan bagi merangkumi keseluruhan keperluan rakyat dan perbincangan itu sudah di peringkat akhir.

"Kita akan masukkan banyak benda (dalam manifesto), antaranya ialah membina rumah kos rendah kepada rakyat, pendidikan, tebatan banjir dan semua keperluan lain untuk kesejahteraan rakyat Kedah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pasar Tani PraRamadan di Taman Wira Mergong di sini Rabu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681527>

